



Garis Panduan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam

2016

	KANDUNGAN	Muka Surat
1	MUKADIMAH	1
2	KATEGORI ANUGERAH	1
3	BIDANG TUMPUAN	2
4	SYARAT-SYARAT PENYERTAAN	2
5	PROJEK / CADANGAN USAHASAMA	3
6	BENTUK ANUGERAH	4
7	PANEL PENILAIAN DAN PEMILIHAN	4
8	KRITERIA DAN CIRI-CIRI PENILAIAN	5
9	FORMAT LAPORAN PROJEK	6
10	MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH	6
11	PENJELASAN MENGENAI KRITERIA DAN CIRI-CIRI PENILAIAN	7
12	LAMPIRAN A - PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PENYERTAAN / PENGANUGERAHAN	11
13	LAMPIRAN B - STANDARD FORMAT PENYEDIAAN LAPORAN KERTAS PROJEK	12
14	LAMPIRAN C - STANDARD FORMAT PENYEDIAAN LAPORAN KERTAS CADANGAN	13

1.**MUKADIMAH**

- 1.1 Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan Pentadbiran Awam Negara Brunei Darussalam.
- 1.2 ACPA ini diadakan setiap dua (2) tahun sekali.
- 1.3 Matlamat ACPA adalah untuk:
 - Menggalakkan inovasi dalam urustadbir baik (*good governance*) perkhidmatan awam;
 - Menghargai keunggulan / kecemerlangan dalam sektor awam;
 - Memotivasi penjawat awam untuk lebih mempromosikan / menggalakkan inovasi;
 - Meningkatkan profesionalisma di dalam perkhidmatan awam;
 - Meningkatkan imej perkhidmatan awam;
 - Mengumpulkan dan menyebarkan praktis-praktis yang berjaya untuk dicontohi agensi-agensi sektor awam yang lain; dan
 - Menggalakkan penyertaan orang awam dan sektor swasta dalam menyumbangkan ide ke arah pembinaan dan pembaharuan perkhidmatan awam.
- 1.4 Garis Panduan ACPA ini adalah bertujuan untuk memberikan kefahaman tentang prosedur dan syarat-syarat penyertaan bagi anugerah tersebut.

2.**KATEGORI ANUGERAH**

ACPA memberikan tumpuan kepada dua (2) kategori :

- 2.1 Projek yang telah menampakkan hasil / natijah (*outcome*) dan impak yang besar / positif ke atas perkhidmatan awam; dan
- 2.2 Cadangan dalam bentuk kertas kerja yang berupa buah fikiran (*ide*) yang berpotensi untuk diperaktikkan oleh perkhidmatan awam.

3. BIDANG TUMPUAN

- 3.1 Program ACPA terbuka kepada berbagai bidang yang antara lain adalah :
- i. Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam (*Improving the Delivery of Public Service*);
 - ii. Inovasi dalam Perkhidmatan Awam (*Innovations in Public Service*);
 - iii. Mencegah dan Memerangi Rasuah dalam Perkhidmatan Awam (*Preventing and Combating Corruption in the Public Service*);
 - iv. Meningkatkan Integriti, Ketelusan, Akauntabiliti dan Tindakbalas dalam Perkhidmatan Awam (*Improving Integrity, Transparency, Accountability and Responsiveness in the Public Service*);
 - v. Memajukan Pengurusan Ilmu dalam Kerajaan (*Advancing Knowledge Management in Government*);
 - vi. Aplikasi Teknologi Info-Komunikasi dalam Kerajaan: e-Government (*Application of Information and Communication Technology (ICT) in Government: e-Government*);
 - vii. Penambahbaikan Kualiti Proses dalam Perkhidmatan Awam yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan *Ease of Doing Business* (*Quality Improvement of the Public Service Processes towards Ease of Doing Business*).

4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan ACPA ini dibukakan kepada :

4.1.1 Kertas Projek : semua pegawai dan kakitangan kementerian / jabatan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

4.1.2 Kertas Cadangan : semua pegawai dan kakitangan kementerian / jabatan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam; pihak swasta dan orang ramai.

- 4.2 Penyertaan boleh dibuat secara projek usahasama antara agensi kerajaan, berkumpulan atau individu (**rujuk perenggan 5**).

- 4.3 Pihak-pihak yang berminat dibolehkan mencalonkan sebanyak mana mungkin kertas projek / cadangan yang memenuhi matlamat ACPA sepertimana yang disenaraikan di **perenggan 1.3**;

4.4 Tatatertib / Tapisan Keselamatan

- 4.4.1 Mana-mana peserta atau pegawai / kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah diambil tindakan tatatertib atau terlibat dengan kes jenayah tidak boleh dicalonkan untuk menyertai ACPA sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dari tarikh tindakan sedemikian diambil.
- 4.4.2 Jika sekiranya mana-mana peserta atau pegawai / kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam didapati mempunyai kes tatatertib atau kes jenayah yang mana dikategorikan sebagai masih dalam penyiasatan, maka peserta atau pegawai / kakitangan berkenaan tidak layak untuk menyertai anugerah ini.
- 4.5 Setiap Kertas Projek / Cadangan yang dicalonkan hendaklah menurut format penyediaan laporan sepertimana yang digariskan di **perenggan 9** garis panduan ini.
- 4.6 Setiap penyertaan hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang Penyertaan ACPA yang boleh diperolehi di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri atau dengan memuat turun borang tersebut melalui laman sesawang jabatan di alamat www.jpp.gov.bn.
- 4.7 Borang penyertaan yang telah lengkap berserta dengan lima (5) set Kertas Projek / Cadangan dan softcopy yang berkenaan hendaklah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sebelum tarikh tutup sepertimana yang dinyatakan di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bagi ACPA. Bagi penyertaan pegawai dan kakitangan daripada perkhidmatan awam hendaklah melalui kementerian / jabatan masing-masing.

5. PROJEK / CADANGAN USAHASAMA

- 5.1 Penyertaan yang melibatkan dua (2) atau lebih jabatan dalam sebuah kementerian hendaklah dihadapkan oleh ketua kumpulan melalui kementerian berkenaan untuk pertimbangan dan sokongan.
- 5.2 Mana-mana penyertaan yang melibatkan dua (2) atau lebih jabatan dari kementerian yang berlainan hendaklah dihadapkan oleh ketua kumpulan melalui

kementerian yang mempunyai kaitan lebih rapat dengan projek atau mana-mana kementerian yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.

- 5.3 Mana-mana penyertaan yang melibatkan dua (2) atau lebih individu/kumpulan/ yang berlainan hendaklah dihadapkan oleh individu / kumpulan tersebut yang mempunyai kaitan lebih rapat dengan projek / cadangan berkenaan.
- 5.4 Pihak MSD tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah yang akan timbul daripada pertikaian mengenai hak milik ke atas Kertas Projek / Cadangan yang dihadapkan.

6. BENTUK ANUGERAH

6.1 PROJEK

- a. Pertama - Anugerah Emas yang berupa wang berjumlah B\$8,000.00 dan sebuah piala;
- b. Kedua - Anugerah Perak yang berupa wang berjumlah B\$5,000.00 dan sebuah piala;
- c. Ketiga - Anugerah Gangsa yang berupa wang berjumlah B\$3,000.00 dan sebuah piala; dan
- d. Keempat hingga keenam - Wang berjumlah B\$1,000 setiap satu.

6.2 CADANGAN

- a. Pertama - Anugerah Emas yang berupa wang berjumlah B\$4,000.00 dan sebuah piala;
- b. Kedua - Anugerah Perak yang berupa wang berjumlah B\$2,500.00 dan sebuah piala;
- c. Ketiga - Anugerah Gangsa yang berupa wang berjumlah B\$1,500.00 dan sebuah piala; dan
- d. Keempat hingga keenam - Wang berjumlah B\$500 setiap satu.

Sijil Penghargaan akan diberikan kepada semua penyertaan.

7. PANEL PENILAIAN DAN PEMILIHAN

- 7.1 Sebuah Panel Penilaian dan Pemilihan ACPA akan dibentuk dan dilantik bagi proses penilaian dan pemilihan Kertas Projek / Cadangan yang dicalonkan.

- 7.2. Panel ini akan mendengarkan taklimat bagi kedua-dua kertas projek dan cadangan, manakala lawatan bagi tujuan untuk memerhati, meneliti dan menyaksikan dengan lebih dekat tentang perkembangan dan keberkesanan Kertas Projek yang dicalonkan (jika perlu). Proses penilaian dan pemilihan adalah seperti di **lampiran A**.
- 7.3. Urusetia Panel Penilaian dan Pemilihan ACPA, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan akan bertindak sebagai penyampai maklumat kepada Panel Penilaian dan Pemilihan ACPA bagi semua laporan prestasi kementerian / jabatan / agensi yang menghadapkan Kertas Projek / Cadangan yang dicalonkan.
- 7.4. Keputusan Panel Penilaian dan Pemilihan ACPA bagi ACPA peringkat kebangsaan adalah muktamad.

8. KRITERIA DAN CIRI-CIRI PENILAIAN

8.1 KRITERIA DAN CIRI-CIRI KERTAS PROJEK / CADANGAN

Sebanyak lima (5) kriteria utama bagi Kertas Projek dan empat (4) kriteria utama Kertas Cadangan dan beberapa ciri-ciri bagi setiap kriteria utama yang akan dijadikan asas penilaian mengukur Kertas Projek / Cadangan yang dicalonkan :

KERTAS PROJEK	KERTAS CADANGAN
<p>A. Pemilihan Projek</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Objektif yang jelas ii. Realistik iii. Rasional iv. Analisis Masalah <p>B. Mekanism Pelaksanaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Teknik-teknik atau kaedah-kaedah pengurusan yang digunakan ii. Inovasi <p>C. Hasil dan Impak Projek</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pencapaian Objektif dan Sasaran ii. Impak kepada pihak pelanggan <p>D. Cabaran Dalam Melaksanakan Projek</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kompleksiti <p>E. Rancangan Lanjut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan Tindakan ii. Kemampanan / Berdaya tahan 	<p>A. Pemilihan Cadangan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Objektif yang jelas ii. Realistik iii. Rasional iv. Analisis Masalah <p>B. Kebolehlaksanaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kaedah / Teknik Pelaksanaan Cadangan ii. Replikasi / Kesesuaian Cadangan <p>C. Impak Cadangan Yang Dijangkakan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kecekapan ii. Keberkesanan <p>D. Cabaran</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kompleksiti Dalam Melaksanakan Cadangan

9. FORMAT PENYEDIAAN LAPORAN

9.1 LAPORAN KERTAS PROJEK

- 9.1.1 Format laporan kertas projek boleh dibuat mengikut tatacara individu / kumpulan tetapi hendaklah meliputi aspek-aspek penting seperti di **lampiran B**.
- 9.1.2 Penyediaan laporan kertas projek hendaklah memberikan penekanan terhadap kriteria dan ciri-ciri penilaian sepertimana yang di nyatakan dalam perenggan 8.1.

9.2 LAPORAN KERTAS CADANGAN

- 9.2.1 Format kertas cadangan hendaklah meliputi aspek-aspek penting seperti di **lampiran C**.
- 9.2.2 Penyediaan laporan kertas cadangan hendaklah memberikan penekanan terhadap kriteria dan ciri-ciri penilaian sepertimana yang di nyatakan dalam perenggan 8.1

10. MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH

- 10.1 Hasil keputusan dari Panel Penilaian dan Pemilihan ACPA akan diumumkan pada majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Brunei Darussalam.
- 10.2 Penyampaian anugerah kepada peserta-peserta ACPA juga akan dijalankan pada majlis itu nanti.

11.**PENJELASAN MENGENAI KRITERIA DAN CIRI-CIRI PENILAIAN****11.1****KERTAS PROJEK****A. PEMILIHAN PROJEK****Kriteria 1 : Objektif yang jelas (*Clarity of objectives*)**

Sejauhmana objektif yang dinyatakan jelas, ringkas, padat, tepat dan mudah difahami

Kriteria 2 : Realistik

- Sejauhmana objektif yang dinyatakan praktikal dan boleh dicapai
- Sejauhmana boleh diukur dan spesifik

Kriteria 3 : Rasional

- Sejauhmana pemilihan projek seajar dengan aspirasi negara (Wawasan 2035) khususnya pembaharuan
- Sejauhmana pemilihan projek seajar dengan aspirasi visi kementerian/jabatan seperti akta, haluan dasar, peraturan, undang-undang

Kriteria 4 : Analisis Masalah

- Penggunaan fakta / data yang membuktikan penganalisaan terhadap isu
- Kaedah / teknik penganalisaan seperti Cost Benefit Analysis
- Pengenalpastian punca isu (root-cause)

B. MEKANISMA PELAKSANAAN**Kriteria 5: Teknik-Teknik atau kaedah-kaedah pengurusan yang digunakan (*Adoption of new tools*)**

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauhmana penggunaan teknik atau kaedah yang digunakan memenuhi keperluan projek iaitu:

- Sejauhmana kaedah pengurusan digunakan seperti proses Business Process Reengineering (BPR), pengendalian kaji selidik
- Sejauhmana kaedah / teknik-teknik pengurusan yang digunakan dapat membantu dalam memperbaiki projek.

Kriteria 6 : Inovasi

Kriteria ini melihat kepada sejauhmana projek ini mengambilkira pendekatan inovasi dalam penyelesaian isu masalah dalam pelaksanaan projek:

- Inovasi : Dapat mewujudkan samada produk, proses, perkhidmatan, teknologi atau ide yang dapat menyumbang kepada memenuhi keperluan baru.

- Efisien : Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat menyumbang kepada cara bekerja yang lebih cekap, cepat, tepat, mudah dan lain-lain.

C. HASIL DAN IMPAK PROJEK

Kriteria 7 : Pencapaian Objektif dan Sasaran

Kriteria ini akan melihat kepada objektif dan sasaran projek dengan menggunakan kaedah seperti Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sebagai indikator pencapaian dan mengukur prestasi dan pencapaian projek

- Terdapat bukti (fakta/data) pencapaian projek telah berjaya dilaksanakan sama ada secara penuh atau percubaan dan mencapai matlamat ianya diperkenalkan

Kriteria 8 : Impak kepada pihak pelanggan

Kategori ini dinilai dari aspek tumpuan pelanggan bagi mengukur sejauh mana penilaian /maklumbalas/input pelanggan selaku penerima keluaran digunakan dalam penambahbaikan terhadap projek yang diungkayahkan

- *Voice of Customer* : sejauhmana pelanggan berpuas hati terhadap pelaksanaan projek.

D. CABARAN DALAM MELAKSANAKAN PROJEK

Kriteria 9 : Kompleksiti

Kriteria ini melihat dari segi skop, penggunaan sumber-sumber, proses dan seumpamanya, dan sejauh mana isu-isu yang berkaitan dengannya dapat ditangani melalui pelaksanaan projek berkenaan.

- Kesukaran dan kepayahan dalam melaksanakan projek
- Faktor luaran contohnya kolaborasi / pensejajaran dengan agensi lain.

E. RANCANGAN LANJUT

Kriteria 10 : Pelan tindakan

Tindakan-tindakan bagi pelaksanaan projek berkenaan di masa hadapan.

Kriteria 11 : Sustainability (Kemampunan / berdaya tahan)

Kriteria ini dinilai dari segi sejauhmana pencapaian dan kesinambungan hasil / matlamat / objektif projek yang diperolehi dapat bertahan dan berterusan.

- Bagaimana objektif / matlamat projek ini terus dicapai melalui aktiviti-aktiviti yang selaras dengan keadaan semasa dan keperluan negara.
- Adakah mempunyai pengiktirafan ke atas usaha yang dilaksanakan,
- Memperincikan kaedah untuk mengukur dan memantau pelaksanaan projek.

11.2 KERTAS CADANGAN

A. PEMILIHAN CADANGAN

Kriteria 1 : Objektif yang jelas (*Clarity of objectives*)

- Sejauhmana objektif yang dinyatakan jelas, ringkas, padat, tepat dan mudah difahami
- Sejauhmana objektif adalah menjurus kepada produk dan/atau perkhidmatan yang berkaitan dengan kerajaan

Kriteria 2 : Realistik

- Sejauhmana objektif yang dinyatakan praktikal dan boleh dicapai?
- Sejauhmana boleh diukur dan spesifik

Kriteria 3 : Rasional

- Sejauhmana pemilihan cadangan seajar dengan aspirasi negara (Wawasan 2035) khususnya pembaharuan
- Sejauhmana pemilihan cadangan menjurus kepada kecemerlangan perkhidmatan awam

Kriteria 4 : Analisis Masalah

- Penggunaan fakta / data yang membuktikan penganalisaan terhadap isu
- Pengenalpastian punca isu (*root-cause*)

B. KEBOLEHLAKSANAAN

Kriteria 5: Kaedah / Teknik Penganalisaan Cadangan

Kriteria ini bertujuan melihat sejauh mana cadangan pembetulan / pembaharuan dianalisis dengan menggunakan kaedah / teknik pengurusan seperti:

- Penandaaranan (*benchmarking*);
- Cost-Benefit Analysis;
- Management By Objective;
- Adakah kaedah melalui proses Business Process Reengineering (BPR)?
- Pengurusan Kualiti Menyeluruh (*Total Quality Management*); dan
- Lain-lain kaedah / teknik.

Kriteria 6: Replikasi / Kesesuaian Cadangan

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauhmana cadangan dapat digunakan / dilaksanakan dan dapat direplikasi di agensi-agensi kerajaan/ perkhidmatan awam iaitu:

- Terdapat contoh / bukti / kaedah / mekanisma / tatacara cadangan boleh diguna pakai

C. IMPAK IDE YANG DIJANGKAKAN (EXPECTED OUTCOME)

Kriteria 7: Kecekapan (*Effeciency*)

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana cadangan memenuhi ciri-ciri kecekapan seperti:

- Sejauhmana cadangan dapat menjimatkan masa.
- Sejauhmana cadangan dapat menjimatkan kos.
- Sejauhmana cadangan dapat meningkatkan produktiviti.
- Sejauhmana cadangan mudah digunakan.

Kriteria 8 : Keberkesanan (*Effectiveness*)

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana cadangan yang dihasilkan memberi impak terhadap keberkesanan kepada:

- Perkhidmatan Awam; dan
- Pemedulian Pelanggan.

D. CABARAN

Kriteria 9 : Kompleksiti Dalam Melaksanakan Cadangan

Kriteria ini melihat dari kesukaran, kompleksiti, cabaran-cabaran dan kerumitan dalam penyediaan dan pelaksanaan cadangan

PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PENYERTAAN / PENGANUGERAHAN ACPA

**PERINGKAT PERTAMA
TAPISAN OLEH PIHAK URUSETIA**

Setiap permohonan yang diterima akan dibuat tapisan diperingkat urusetia bagi memastikan permohonan adalah memenuhi syarat penyertaan yang telah ditetapkan.



**PERINGKAT KEDUA
PENILAIAN PANEL PENILAIAN DAN PEMILIHAN**

Penilaian penyertaan akan dilaksanakan oleh Panel Penilai yang dilantik. Pada peringkat ini, penilaian akan dibuat berdasarkan kepada laporan yang dihadapkan.



**PERINGKAT KETIGA
PENILAIAN PROJEK/CADANGAN YANG DISENARAI PENDEKKAN
BERASASKAN TAKLIMAT**

Penilaian penyertaan akan disenarai pendekkan melalui hasil pembentangan kumpulan/individu.



PERINGKAT KEEMPAT (KERTAS PROJEK SAHAJA)

Penilaian Teknikal Melalui Lawatan Ke Agensi (*Jika berkenaan*)

STANDARD FORMAT PENYEDIAAN LAPORAN KERTAS PROJEK ACPA 2016

- A. Jenis Tulisan (Font) : Times New Roman Saiz 12
- B. Langkauan (Spacing) : 1.5
- C. Margin :
 - Kanan : 3cm
 - Kiri : 2.5cm
 - Atas : 2.5cm
 - Bawah: 2.5cm
- D. Jumlah muka surat kertas projek keseluruhan : tidak melebihi **30 mukasurat** (tidak termasuk ringkasan eksekutif, bibliografi dan *appendices*)

E. KULIT HADAPAN (COVER PAGE)

Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam 2016

Tajuk Projek (**Tidak melebihi daripada 10 patah perkataan**)

Nama Kumpulan / Peserta

Jabatan

Kementerian

Negara Brunei Darussalam

Bil Keterangan

1. **Ringkasan Eksekutif**– tidak melebihi 250 patah perkataan
2. **Tujuan**
 - 2.1 Objektif Projek
 - 2.2 Realistik
 - 2.3 Rasional Projek
3. **Latar belakang**
 - 3.1 Keadaan Masakini
 - 3.2 Analisis Masalah
4. **Mekanism pelaksanaan**
 - 4.1 Teknik-Teknik atau Kaedah-Kaedah pengurusan yang digunakan
 - 4.2 Inovasi
5. **Hasil dan Impak Projek**
 - 5.1 Pencapaian Objektif dan Sasaran
 - 5.2 Impak kepada pihak pelanggan
6. **Cabar dalam melaksanakan Projek**
 - 6.1 Kompleksiti
7. **Rumusan**
8. **Rancangan lanjut**
 - 8.1 Pelan Tindakan
 - 8.2 Kemampuan / Berdaya tahan
9. **Bibliografi**
10. **Senarai appendix**

STANDARD FORMAT PENYEDIAAN LAPORAN KERTAS CADANGAN ACPA 2016

- A. Jenis Tulisan (Font) : Times New Roman Saiz 12
- B. Langkuan (Spacing) 1.5
- C. Margin :
 - Kanan : 3cm
 - Kiri : 2.5cm
 - Atas : 2.5cm
 - Bawah: 2.5cm
- D. Jumlah muka surat kertas projek keseluruhan : tidak melebihi **15 mukasurat** (tidak termasuk ringkasan eksekutif, bibliografi dan *appendix*)

E. KULIT HADAPAN (COVER PAGE)

Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam 2016

Tajuk Cadangan (**Tidak melebihi daripada 10 patah perkataan**)

Nama Kumpulan / Peserta

Jabatan / Syarikat

Kementerian

Negara Brunei Darussalam

Bil Keterangan

1. **Ringkasan Eksekutif** – tidak melebihi 250 patah perkataan
2. **Tujuan**
 - 2.1 Objektif Cadangan
 - 2.2 Realistik
 - 2.3 Rasional
3. **Latar belakang**
 - 3.1 Keadaan Masakini
 - 3.2 Analisis Masalah
4. **Kebolehlaksanaan**
 - 4.1 Kaedah / Teknik Penganalisaan Cadangan
 - 4.2 Replikasi / Kesesuaian Cadangan
5. **Impak Cadangan Yang Dijangkakan**
 - 5.1 Kecekapan
 - 5.2 Keberkesanan
6. **Cabar**
 - 6.1 Kompleksiti Dalam Melaksanakan Cadangan
7. **Rumusan**
8. **Bibliografi**
9. **Senarai appendix**